

19 OCT 2001

DR MAHATHIR BERLEPAS KE SHANGHAI UNTUK HADIRI SIDANG APEC

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas ke Shanghai, China untuk menghadiri mesyuarat ketua-ketua kerajaan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri berlepas dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di Subang pada pukul 7 malam.

Beliau ditemani oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Yang turut berada di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat jalan ialah beberapa Menteri Kabinet.

Semasa mesyuarat dua hari itu Dr Mahathir dijangka turut mengadakan perbincangan dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, Presiden China Jiang Zemin dan Presiden Russia Vladimir Putin.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucap-tama pada sidang kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif APEC. Beliau ialah antara lapan pemimpin Apec yang akan berucap pada sidang kemuncak selama tiga hari itu.

-- BERNAMA

AKT AHH PR